

# **GANGGUAN PSIKOSEKSUAL MENURUT BARAT DAN ISLAM: FAKTOR DAN CABARAN DALAM MENANGANINYA MENURUT ISLAM**

## **PSYCHOSEXUAL DISORDERS ACCODING TO WESTERN AND ISLAMIC PERSPEKTIF: FACTORS AND CHALLENGES IN HERDEN BY ISLAM**

Ahmad Hisham bin Azizan

Pensyarah, Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), Universiti Teknologi Mara, Kampus Samarahan, Jalan Meranek, 94300 Kota Samarahan, Sarawak, Malaysia

**Accepted Date:** 21 December 2017

**Published Date:** 27 March 2018

**To cite this document:** Azizan, A. H. b. (2018). Gangguan Psikoseksual Menurut Barat Dan Islam: Faktor Dan Cabaran Dalam Menanganinya Menurut Islam. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 3(8), 41-64.

---

### **Abstrak**

*Psikologi merupakan suatu disiplin ilmu yang sinonim dengan tingkah laku manusia sama ada ianya melibatkan tingkah laku normal manusia ataupun sebaliknya. Artikel ini memberi tumpuan kepada tingkah laku abnormal manusia iaitu masalah gangguan psikoseksual yang masih lagi berterusan akibat tiada cara yang sesuai untuk menanganinya dengan mendalam. Artikel ini akan membincangkan langkah-langkah pencegahan yang sesuai bagi masalah ini kerana “rawatan” bagi masalah ini bermula dari pencegahan. Artikel ini akan membincangkan tiga aspek utama dalam psikoseksual iaitu konsep, faktor dan cabaran dalam menanganinya. Gangguan psikoseksual bukanlah masalah yang baru dalam kehidupan manusia tetapi artikel ini akan memberi lebih pendedahan kepada bentuk-bentuk perlakuan psikoseksual yang jarang diketahui oleh manusia sebelum ini. Selain penjelasan terhadap faktor, artikel ini turut memfokuskan kepada penggunaan psikoterapi Islam sebagai medium utama dalam menangani gejala psikoseksual yang semakin serius menular dalam kehidupan masyarakat pada hari ini.*

**Kata Kunci:** Kecelaruan Psikoseksual, Islam, Abnormal, Manusia, Psikoterapi Islam

### **Abstract**

*Psychology is a discipline that is synonymous with human behavior whether it involves normal human behavior or vice versa. This article focuses on the abnormal behavior of people, ie the problem of psychosexual disorders that are still ongoing as there is no suitable way to deal with them profoundly. This article will discuss the appropriate preventive measures for this problem as "treatment" of the problem starts from prevention. This article discusses three key aspects of psychosexuals - concepts, factors and challenges in dealing with them. Psychosexual disorders are not a new problem in human life but this article will give more exposure to psychosexual forms of treatment that are rarely known to humans before. In addition to an explanation of the factors, this article focuses on the use of Islamic psychotherapy as a major medium in dealing with psychosexual symptoms that are increasingly infectious in today's society.*

**Keywords:** *Psychosexual Disorders, Islam, Abnormal, Human, Islamic Psychotherapy*

---

## **Pendahuluan**

Gangguan psikoseksual bukanlah suatu perkara yang baru dalam dunia psikologi ini. Fenomena-fenomena yang berkaitan dengannya seperti homoseksual, lesbian, tranvestisme dan sebagainya, walaupun tidak banyak dikaji secara terperinci namun konsep asas tentang segala perlakuan ini sentiasa diperjelaskan oleh mana-mana ahli psikologi yang terlibat secara serius dalam bidang ini. Sebagai contoh, perlakuan homoseksual, dunia psikologi merupakan antara disiplin ilmu yang pertama melibatkan diri dalam kajian yang berkaitan dengan perlakuan ini (Theo, Judith, Willem & Weeks, 2000: 14). Ini secara tidak langsung membuktikan bahawa segala masalah yang berkaitan dengan tingkah laku manusia sentiasa dipandang serius dalam dunia psikologi ini.

Gangguan ataupun kecelaruan psikoseksual ini bukanlah semata-mata perlakuan yang biasa didengari oleh manusia pada hari ini seperti homoseksual, lesbian dan sebagainya namun, sedar tidak sedar gangguan ini meliputi pelbagai perkara yang jarang dijumpai oleh masyarakat awam itu sendiri dalam kehidupan seharian mereka. Istilah seperti 'fetisyisme', 'zoofilis', 'paedofilia', 'eksibisionisme' atau 'voyuerisme' sudah pasti tidak pernah diketahui atau diambil tahu akan tetapi istilah-istilah inilah merupakan sebahagian daripada gangguan psikoseksual yang wujud dalam dunia psikologi ini.

Namun, apa yang pastinya adalah gangguan psikoseksual ini merupakan perlakuan yang hina di sisi agama mahupun masyarakat itu sendiri. Walaupun perlakuan psikoseksual ini seperti 'homoseksual' dan 'lesbian' telah diperjuangkan oleh masyarakat di sesetengah negara barat, namun majoriti masyarakat dunia masih tetap tidak mahu menerima golongan seperti ini kerana ia masih dianggap suatu perlakuan yang menjijikkan dalam konteks akhlak, etika dan moral masyarakat itu sendiri. Oleh itu, manusia harus pandai mengawal kehidupan mereka sendiri dan perlu sedar bahawa

merekalah yang akan mencorakkan kehidupan mereka sendiri. Gangguan psikoseksual ini pasti tidak akan berlaku sekiranya manusia itu bijak menggunakan segala nikmat kurniaan Allah S.W.T. itu ke jalan yang benar-benar diredaiNya.

### **Definisi Gangguan Psikoseksual**

Perkataan psikoseksual membawa maksud *'the intraction of the physiosexual and psychological dimensions of human behavior* [kaitan atau hubungan antara fisioseksual (mekanisme fungsi organ seksual) dan dimensi psikologi tingkah laku manusia] (Corsini, 2016: 787). Definisi yang dikemukakan oleh ahli psikologi ini jelas menunjukkan bahawa segala perlakuan psikoseksual bermula daripada tingkah laku manusia itu sendiri. Ini membuktikan bahawa manusia merupakan 'objek' penting dalam sebarang bentuk kajian yang berkaitan dengan kecelaruan psikoseksual ini.

Perkataan gangguan atau kecelaruan (*disorders*) dalam dunia psikologi sinonim dengan maksud *'an illness or disease'* (penyakit). Ia juga membawa maksud *'mental illness or disease'* (penyakit mental). Selain itu, *disorders* ini juga memberi makna *'someone who has a disordered mind or imagination is mentally ill'* (seseorang yang terganggu pemikirannya) (Corsini, 2016: 285; Penny, 2000: 316). Apabila meneliti maksud di atas, ia lebih merujuk kepada seseorang yang terganggu pemikiran dan tingkah lakunya dalam kehidupan dan masalah ini sering dipandang serius oleh ahli-ahli psikologi sama ada di kalangan Islam mahupun barat itu sendiri.

Namun, kajian ini bukan tertumpu kepada definisi psikoseksual dan gangguan semata-mata, tetapi ia lebih memfokuskan kepada definisi gangguan psikoseksual. Corsini menyatakan bahawa gangguan psikoseksual merupakan "tingkah laku seksual yang dilihat sebagai abnormal oleh individu-individu tentang perlakuan seksnya sendiri dan perlakuan seks orang lain" (2016: 787) di mana perlakuan seks yang abnormal ini merangkumi perbuatan-perbuatan seperti suka mencederakan orang lain untuk kepuasan seksnya, membaca atau melihat bahan-bahan pornografi dan sebagainya. Definisi yang dibawa oleh Corsini ini jelas menunjukkan bahawa gangguan psikoseksual merupakan masalah seksual yang dialami oleh seseorang individu dalam kehidupannya.

### **Gangguan Psikoseksual Menurut Perspektif Islam**

Jika ditinjau dari perspektif Islam, Islam menggambarkan perkataan kecelaruan psikoseksual sebagai perbuatan *fahisyah* berdasarkan firman Allah S.W.T.:

وَلَوْ طَآءَ إِذْ قَالَ لِقَوْمِهِ أَتَأْتُونَ الْفَاحِشَةَ مَا سَبَقَكُمْ بِهَا مِنْ أَحَدٍ مِّنَ الْعَالَمِينَ ﴿٨٠﴾

Maksud: "Dan (Kami juga telah mengutus) Lut (kepada kaumnya). (Ingatlah) tatkala dia berkata kepada mereka: "Mengapa kamu mengerjakan perbuatan fahisyah (merupakan perbuatan homoseksual iaitu perlakuan mendatangi lelaki untuk melepaskan nafsu) itu, yang belum pernah dikerjakan oleh seorang pun (di dunia ini) sebelummu?"

(Al-Qur'an, Al-A'raf (7): 80)

Perbuatan *fahisyah* yang ditonjolkan ini jelas membuktikan kecelaruan ini telah wujud dalam hati manusia sejak beribu tahun dahulu. Pendedahan yang dilakukan ini sudah cukup untuk menonjolkan keganjilan kelakuan manusia dari adat kebiasaan mereka sendiri dan adat fitrah semulajadi makhluk. Kenyataan ini bertepatan dengan definisi yang dibawa oleh Sayyid Qutb di mana beliau mendefinisikan gangguan psikoseksual sebagai “suatu kelakuan atau suatu gejala yang ganjil di dalam masyarakat manusia di mana ia merupakan satu perbuatan yang bertentangan dengan fitrah kejadian manusia yang telah diciptakan oleh Allah S.W.T., malah bertentangan dengan fitrah kejadian semua makhluk yang hiduap ciptaan Allah S.W.T. di atas muka bumi ini” (2000: 180).

Dalam memperkatakan gangguan psikoseksual menurut pandangan Islam ini, ia bukanlah suatu perkara yang asing dalam sejarah umat manusia keseluruhannya. Apabila mengkaji dan meneliti al-Qur’an, perlakuan ini telah mula wujud 1400 tahun yang lalu di mana ia melibatkan kaum Nabi Lut a.s. yang telah habis dibinasakan oleh Allah S.W.T. akibat perbuatan mereka yang bertentangan dengan fitrah yang telah ditetapkan oleh Allah S.W.T. Kisah ini bukan sahaja terdapat dalam satu ayat ataupun satu surah sahaja, namun perlakuan, perbuatan, punca serta balasan kepada gangguan psikoseksual ini telah dinyatakan dalam pelbagai surah seperti surah Hud, ayat 77-83, surah Al-Naml, ayat 54-58, surah Al-Shu’ara, ayat 160-175 serta lain-lain lagi. Firman Allah S.W.T.:-

وَلَمَّا جَاءَتْ رُسُلُنَا لُوطًا سِئَاءَ بِهِمْ وَضَاقَ بِهِمْ ذَرْعًا وَقَالَ هَذَا يَوْمٌ عَصِيبٌ ﴿٧٧﴾ وَجَاءَهُد قَوْمُهُ مُهْرَعُونَ  
إِلَيْهِ وَمَنْ قَبْلُ كَانُوا يَعْمَلُونَ السَّيِّئَاتِ ﴿٧٨﴾ قَالَ يَتَقَوَّمِر هَتُوْلَاءِ بِنَاتِي هُنَّ أَطْهَرُ لَكُمْ ط فَاتَّقُوا اللَّهَ وَلَا تَحْزُونِ فِي  
صَيْفِي ط أَلَيْسَ مِنْكُمْ رَجُلٌ رَشِيدٌ ﴿٧٩﴾ قَالُوا لَقَدْ عَامت مَا لَنَا فِي بِنَاتِكَ مِنْ حَقِّ وَإِنَّكَ لَتَعْلَمُ مَا نُرِيدُ  
﴿٨٠﴾ قَالَ لَوْ أَنَّ لِي بِكُمْ قُوَّةٌ أَوْ آوِي إِلَى رُكْنٍ شَدِيدٍ ﴿٨١﴾ قَالُوا يَلُوطُ إِنَّا رُسُلُ رَبِّكَ لَنْ يَصِلُوا إِلَيْكَ ط  
فَأَسِرْ بِأَهْلِكَ بِقِطْعٍ مِنَ اللَّيْلِ وَلَا يَلْتَفِتْ مِنْكُمْ أَحَدٌ إِلَّا أَمْرَاتُكَ ط إِنَّهُ مُصِيبُهَا مَا أَصَابَهُمْ ﴿٨٢﴾ إِنَّ  
مَوْعِدَهُمُ الصُّبْحُ أَلَيْسَ الصُّبْحُ بِقَرِيبٍ ﴿٨٣﴾ فَلَمَّا جَاءَ أَمْرُنَا جَعَلْنَا سَافِلَهَا وَأَمْطَرْنَا عَلَيْهَا  
حِجَارَةً مِنْ سِجِّيلٍ مَنصُودٍ ﴿٨٤﴾ مُسَوَّمَةً عِنْدَ رَبِّكَ وَمَا هِيَ مِنَ الظَّالِمِينَ بِبَعِيدٍ ﴿٨٥﴾

Maksud: “Dan apabila datang utusan-utusan Kami kepada Nabi Lut ia merasa dukacita dengan kedatangan mereka, dan merasa tidak terdaya untuk mengawal mereka (dari gangguan kaumnya), sambil berkata: “Ini adalah hari Yang amat mencemaskan”.; dan kaumnya pun datang meluru kepadanya (dengan tujuan hendak mengganggu tetamunya), sedang mereka sebelum itu sudah biasa melakukan kejahatan. Nabi Lut berkata: “Wahai kaumku! Di sini ada anak-anak perempuanku mereka lebih suci bagi kamu (maka berkahwinlah dengan mereka). Oleh itu takutlah kamu kepada Allah, dan janganlah kamu memberi malu kepadaKu mengenai tetamu-tetamuku. tidakkah ada di antara kamu seorang

lelaki yang bijak berakal (yang dapat memberi nasihat)?”.; Mereka menjawab: “Sesungguhnya engkau telahpun mengetahui bahawa kami tidak ada sebarang hajat kepada anak-anak perempuanmu, dan sebenarnya engkau sedia mengetahui akan apa yang kami kehendaki”.; Nabi Lut berkata: “Kalaulah aku ada kekuatan untuk menentang kamu, atau aku dapat bertumpu ke sesuatu tempat bertahan yang kuat (dari penyokong-penyokong, tentulah aku akan membinasakan kamu)”.; (Mendengarkan yang demikian tetamunya berkata: “Wahai Lut! Sesungguhnya Kami (adalah malaikat) utusan Tuhanmu. Kaum engkau yang jahat itu tidak sekali-kali akan dapat melakukan kepadamu (sebarang bencana). Oleh itu, pergilah berundur dari sini bersama-sama dengan keluargamu pada tengah malam, dan janganlah seorangpun di antara kamu menoleh ke belakang kecuali isterimu, sesungguhnya ia akan ditimpa azab yang akan menimpa mereka (kerana ia memihak kepada mereka). Sesungguhnya masa yang dijanjikan untuk menimpakan azab kepada mereka ialah waktu subuh; Bukankah waktu subuh itu sudah dekat?”.; Maka apabila datang (masa pelaksanaan) perintah Kami, Kami jadikan negeri kaum Lut itu diterbalikkan (tertimbus segala yang ada di muka buminya) dan Kami menghujannya dengan batu-batu dari tanah yang dibakar, menyimpannya bertalu-talu; Batu-batu itu ditandakan di sisi Tuhanmu (untuk membinasakan mereka), dan ia pula tidaklah jauh dari orang-orang yang zalim itu”.

(Al-Qur’an, Hud (11): 77-83)

Firman Allah S.W.T. lagi:

وَلَوْ طَآءَ إِذْ قَالَ لِقَوْمِهِ أَتَأْتُونَ الْفَاحِشَةَ وَأَنْتُمْ تُبْصِرُونَ ﴿٢٤﴾ أَيُّكُمْ لَتَأْتُونَ الرِّجَالَ شَهْوَةً مِنْ دُونِ  
النِّسَاءِ ۗ بَلْ أَنْتُمْ قَوْمٌ تَجْهَلُونَ ﴿٢٥﴾ \* فَمَا كَانَ جَوَابَ قَوْمِهِ إِلَّا أَنْ قَالُوا أَخْرِجُوا آلَ لُوطٍ مِّنْ  
قَرْيَتِكُمْ ۖ إِنَّهُمْ أَنَاسٌ يَّتَطَهَّرُونَ ﴿٢٦﴾ فَأَنْجَيْنَاهُ وَأَهْلَهُ إِلَّا امْرَأَتَهُ قَدَّرْنَا مِنْهَا مِنَ الْغَابِرِينَ ﴿٢٧﴾ وَأَمْطَرْنَا  
عَلَيْهِمْ مَّطَرًا ۖ فَسَاءَ مَطَرُ الْمُنْذَرِينَ ﴿٢٨﴾

Maksud: “Dan Nabi Lut juga (Kami utuskan); (ingatlah peristiwanya) ketika ia berkata kepada kaumnya: “Patutkah kamu melakukan perbuatan yang keji sedang kamu nampak kejinya?”; “Sesungguhnya kamu mendatangi lelaki, bukan perempuan, kerana memuaskan nafsu syahwat kamu. (perbuatan kamu itu amatlah keji) bahkan kamu kaum yang jahil (yang tidak mengetahui akan akibatnya)”.; Maka kaumnya tidak menjawab selain dari berkata: usirlah Lut dan pengikut-pengikutnya dari bandar kamu ini; Sesungguhnya mereka adalah orang-orang yang mendakwakan dirinya bersih suci”.; Lalu Kami selamatkan Nabi Lut dan keluarganya serta pengikut-pengikutnya, kecuali isterinya, Kami takdirkan dia menjadi dari golongan yang tertinggal dalam azab; Dan Kami hujani mereka dengan hujan yang membinasakan, maka amatlah buruknya hujan azab yang menimpa orang-orang yang telah diberi amaran”.

(Al-Qur’an, Al-Naml (27): 54-58)

Inilah merupakan antara ayat-ayat yang menceritakan tentang perlakuan gangguan psikoseksual yang pernah berlaku dalam masyarakat suatu ketika dahulu. Walaupun telah lama berlalu, perlakuan tersebut seolah-olah diwarisi dan semakin berleluasa dewasa ini. Oleh itu, amat wajar al-Qur’an mengancam perlakuan manusia ini sebagai

suatu yang jahil lagi hina dan jijik kerana perlakuan ini menggambarkan manusia sebagai tidak bertamadun serta tidak mengetahui fitrah mereka sendiri, walaupun telah diciptakan sebagai sebaik-baik makhluk ciptaan Allah S.W.T. di atas muka bumi ini.

Konsep Islam amat mudah di mana Allah S.W.T. telah mengadakan dalam tabiat semulajadi manusia itu sentiasa cenderung ke arah keinginan seks kepada jenis yang lain kerana Allah S.W.T. telah menjadikan seluruh kehidupan ini ditegakkan di atas asas berpasangan (di antara lelaki dan perempuan atau jantan dan betina) berdasarkan firman Allah S.W.T.:

سُبْحٰنَ الَّذِيْ خَلَقَ الْاَزْوَاجَ كُلَّهَا مِمَّا تُنْبِتُ الْاَرْضُ وَمِنْ اَنْفُسِهِمْ وَمِمَّا لَا يَعْلَمُوْنَ



*Maksud: “Maha Suci Tuhan yang telah menciptakan makhluk-makhluk semuanya berpasangan; sama ada dari yang ditumbuhkan oleh bumi, atau dari diri mereka, ataupun dari apa yang mereka tidak mengetahuinya”.*

(Al-Qur’an, Yasin (36): 36)

Peristiwa sejarah yang telah dirakamkan di dalam al-Qur’an harus diambil pengajaran dan iktibar oleh masyarakat kini agar perlakuan, gejala serta perbuatan-perbuatan yang dihina, dikeji mahupun dilaknat oleh Allah S.W.T. ini mampu dielakkan serta mampu mengembalikan keseluruhan kehidupan masyarakat ke arah kehidupan yang lebih bermoral pada masa hadapan. Firman Allah S.W.T.:

لَقَدْ كٰتَبْنَا فِيْ قَصَصِهِمْ عِبْرَةً لِّاُولِيْ الْاَلْبٰبِ ۗ مَا كَانَ حَدِيْثًا يُفْتَرٰى وَلٰكِن تَصٰدِيْقَ

الَّذِيْ بَيْنَ يَدَيْهِ وَتَفْصِيْلَ كُلِّ شَيْءٍ وَهُدًى وَرَحْمَةً لِّقَوْمٍ يُؤْمِنُوْنَ

*Maksud: “Demi sesungguhnya, kisah Nabi-nabi itu mengandungi pelajaran yang mendatangkan iktibar bagi orang-orang yang mempunyai akal fikiran. (kisah Nabi-nabi yang terkandung Dalam Al-Quran) bukanlah ia cerita-cerita yang diada-adakan, tetapi ia mengesahkan apa yang tersebut di dalam Kitab-kitab agama yang terdahulu daripadanya, dan ia sebagai keterangan yang menjelaskan tiap-tiap sesuatu, serta menjadi hidayah petunjuk dan rahmat bagi kaum yang (mahu) beriman”.*

(Al-Qur’an, Yusuf (12): 111)

## **Jenis-Jenis Gangguan Psikoseksual**

Apabila membayangkan perlakuan seks yang tidak normal, masyarakat akan mudah mengatakan ianya adalah seperti homoseksual, lesbian, transeksual, perlakuan gay, mak nyah mahupun pondan. Inilah yang akan sering terlintas di fikiran masyarakat apabila ditanya mengenai perkara ini. Namun, inilah batasan manusia yang jarang mengkaji gangguan psikoseksual ini. Mereka akan lebih terkongkong kepada perkara-perkara ataupun perbuatan-perbuatan yang hanya berlaku di hadapan mereka sahaja tanpa mengetahui pelbagai perlakuan lain yang lebih teruk daripada perkara-perkara di atas.

Jika diteliti dan dikaji, terdapat empat peringkat gangguan psikoseksual yang telah diklasifikasikan oleh ahli psikologi barat mahupun Islam iaitu:

### ***Kecelaruan Identiti Jantina***

Apabila memperkatakan tentang gangguan identiti jantina ini, perkara pokok yang akan menjadi topik perbahasan adalah mengapa seseorang tidak mahu kepada jantina asal mereka dan adakah perubahan jantina yang akan berlaku kelak boleh membawa kebaikan kepada mereka yang ingin mengubahnya. Walaupun begitu, terdapat beberapa perkara mahupun ciri yang berkaitan dengan masalah kejantinaan ini iaitu mereka seolah-olah merasakan bahawa organ seks mereka tidak sesuai dengan mereka (Raulin, 2003: 324; Nolen, 2004: 547). Oleh yang demikian, mereka akan berkelakuan seperti individu yang berlainan dengan organ seks asal mereka sama ada dari sudut berjalan, bercakap, berpakaian dan beberapa tingkah laku yang menunjukkan peranannya sebagai seorang lelaki ataupun wanita (Mahmood, 2005: 414). Selain itu, perkara lain yang menjadi titik tolak kepada kecelaruan identiti jantina ini adalah konsep sendiri dan kepercayaan seseorang itu bahawa dirinya adalah seorang lelaki ataupun seorang wanita. Adakalanya mungkin kita tidak sedar bahawa hati kita sering memberontak untuk mengatakan kita ini berlainan daripada jantina asal kita, oleh itu ini akan sedikit sebanyak membawa kepada gangguan identiti jantina dalam diri seseorang. Terdapat empat bentuk gangguan psikoseksual yang dikategorikan dalam peringkat ini iaitu:

### ***Transeksualisme***

Transeksual merupakan keinginan kepada perubahan identiti jantina seseorang daripada keadaan asal kepada suatu yang berlawanan dengannya (Mahmood, 2005: 414). Namun begitu, transeksualisme bukan sahaja tertumpu kepada perubahan seks semata-mata tetapi segala bentuk perlakuan, perbuatan, minat, cara berpakaian mahupun percakapan akan turut mempengaruhi diri seseorang itu (Lester, 2008: 180). Ciri-ciri transeksual boleh dikenalpasti pada empat perkara iaitu:

- Mereka merupakan lelaki zahiriah yang mempunyai keinginan menjadi seorang perempuan begitu juga sebaliknya
- Fizikalnya normal iaitu tubuh badannya seperti lelaki biasa tetapi sikapnya keperempuanan seperti dalam tutur kata dan sebagainya. Begitu juga sebaliknya.
- Dari segi identiti, mereka mahu dianggap seperti seorang perempuan ataupun seorang lelaki.
- Mereka menganggap diri mereka perempuan yang terperangkap di dalam tubuh lelaki. Begitu juga sebaliknya.

### ***Transvestisme***

Transvestisme merupakan gejala yang lebih tertumpu kepada seorang lelaki di mana seseorang yang mempunyai identiti jantina sebagai lelaki tetapi berasa lebih selesa

apabila berpakaian perempuan dan merasa kurang sempurna berpakaian lelaki. Tidak seperti seorang transeksualisme, seorang tranvestisme hanya lebih tertumpu kepada penampilan mereka sahaja sama ada berpakaian seperti lelaki ataupun seorang wanita terutamanya (Wan Azmi, 2007:10; Allen, 2008: 281). Tranvestite boleh dikategorikan kepada lima variasi iaitu seorang yang bersifat *fetishism*, merasai keseronokan seks pada zakarnya (*erotic pleasure in the penis*), pemilihan objek dalam melakukan seks (*object choice*), merasai kurangnya sifat kekelakuan dalam diri mereka (*sense of maleness*) dan berkelakuan seperti seorang perempuan (*feminine behavior*) (Lester, 2008: 170).

Dalam Islam, perlakuan tranvestisme tidak berkeinginan untuk dianggap sebagai perempuan ataupun hendak ‘menukar’ jantinya supaya menjadi seorang perempuan yang tulen (Wan Azmi, 2007: 11) tetapi mereka yang mempunyai masalah gangguan psikoseksual seperti ini lebih suka untuk mempunyai penampilan seolah-olah seperti seorang wanita ataupun seorang lelaki dan sentiasa berkeinginan untuk terus mempunyai penampilan seperti itu. Walaupun begitu, perlakuan tersebut tetap dilaknat dalam Islam sebagaimana sabda Rasulullah s.a.w. yang bermaksud:

*“Dari Ibn ‘Abbas r.a. katanya: Rasulullah s.a.w. melaknat lelaki yang berpakaian seperti wanita dan wanita berpakaian menyerupai kaum lelaki”*

(Al-Bukhari, 2002: 44)

### ***Kecelaruan Identiti Jantina Kanak-Kanak***

Tidak hanya seorang dewasa, seorang kanak-kanak juga boleh mengalami gangguan psikoseksual ini. Biasanya masalah ini berlaku apabila seorang kanak-kanak itu merasa kurang selesa dengan jantina asal yang dimiliki olehnya dan menegaskan bahawa dirinya lebih berkecenderungan kepada jantina di sebalik seksnya itu. Menurut para ahli psikologi, gejala seperti ini berkemungkinan berlaku bermula dalam lingkungan empat tahun di mana seorang kanak-kanak itu lebih menyukai aktiviti yang dilakukan oleh jantina di sebaliknya, berpakaian yang berlawanan dengan identitinya sendiri dan lebih bergaul dengan kumpulan kanak-kanak yang berlawanan dengan seksnya sendiri. Sebagai contoh, bagi kanak-kanak lelaki, mereka mungkin meminati aktiviti masak-masak, anak patung, berpakaian dengan pakaian perempuan serta lebih bergaul dengan kumpulan kanak-kanak perempuan. Ini sekaligus akan membawa kanak-kanak tersebut lebih cenderung kepada jantina di sebaliknya jika aktiviti serta perlakuan dirinya tidak dikawal dan dibimbing dengan baik oleh kedua ibu bapanya.

### ***Kecelaruan Identiti Jantina Atipikal***

Masalah kecelaruan psikoseksual ini pula melibatkan seorang dewasa. Pada masa inilah wujudnya ramai gay, lesbian dan sebagainya. Ini berlaku kerana pertamanya mungkin kerana terikut-ikut dengan pembawaan diri mereka semasa kanak-kanak lagi. Mungkin pada zaman kanak-kanak, mereka tidak ditegah tetapi dibiarkan untuk melakukan apa sahaja yang diinginkan oleh diri mereka. Ini menyebabkan apabila seseorang itu



dewasa, mungkin dirinya akan terpengaruh dengan pembawaan yang dibawa oleh dirinya sewaktu kanak-kanak lagi seperti berkelakuan serta percakapan seperti seorang perempuan ataupun seorang lelaki.

### ***Parafilia***

Parafilia (*paraphilia*) merupakan istilah baru yang digunakan oleh ahli psikologi moden dalam menerangkan masalah lencongan seks (*sexual deviation*) yang berlaku dalam masyarakat. Istilah ini telah dimasukkan dalam “*Diagnostic and Statistical Manual of Disorders*” (DSM)\* dalam menjelaskan perlakuan seksual yang abnormal di dalam masyarakat. Istilah parafilia ini berasal dari gabungan 2 perkataan iaitu ‘para’ yang bermaksud aksi-aksi atau bayangan yang pelik dan ‘filia’ bermaksud yang digemari oleh seseorang individu. Ini bermaksud seseorang yang menghadapi masalah ini akan melakukan aktiviti seksual yang pelik dan ganjil berdasarkan fantasi, alat mahupun objek yang tidak bernyawa dalam memenuhi nafsu mereka (Webb, 2007: 222; Raulin, 2003: 324; Comer, 2015: 408). Kebanyakan mereka yang menghadapi masalah parafilia ini adalah di kalangan kaum lelaki. Terdapat 9 jenis parafilia yang berlaku dalam masyarakat di mana perlakuan-perlakuan ini sememangnya asing di minda masyarakat awam itu sendiri iaitu:

- ***Fetisyisme***

Seseorang yang mengalami masalah fetisyisme akan menggunakan objek yang tidak bernyawa untuk mendapatkan ransangan seksual. Seseorang yang mengalami masalah ini akan memperoleh kepuasan seks melalui objek-objek yang tidak bernyawa seperti pakaian, kasut mahupun objek-objek yang terpilih oleh dirinya. Masalah ini sering berlaku sewaktu seseorang itu meningkat remaja (Allen, 2008: 77)

- ***Tranvestisme***

Tranvestisme fetisyisme ialah seseorang yang gemar memakai pakaian di sebalik jantannya seperti perempuan gemar memakai pakaian lelaki manakala lelaki pula lebih gemar memakai pakaian perempuan. Seseorang yang menghadapi masalah ini gemar memakai pakaian di sebalik jantannya untuk membangkitkan kehendak seksnya dan bukanlah mahu menukar jantina sepertimana yang berlaku kepada mereka yang menghadapi masalah transeksualisme (Mahmood, 2005: 416)

- ***Zoofilia***

---

\* “*Diagnostic and Statistical Manual of Disorders*” (DSM) telah ditubuhkan pada tahun 1952 oleh Persatuan Psikiatri Amerika (*American Psychiatric Association*) sebagai satu garis panduan system klasifikasi untuk tingkah laku abnormal dalam masyarakat. Sistem ini telah diubah suai pada tahun 1962 selaras dengan klasifikasi yang ditetapkan oleh *World Health Organisation* (WHO) untuk mengkaji kecelaruan yang berlaku dalam masyarakat serta mengenali prosedur-prosedur yang bersesuaian dengan kecelaruan tersebut.

Seseorang yang menghadapi masalah ini akan memperlihatkan perlakuan yang paling menjijikkan dalam sejarah manusia iaitu memperihalkan aksi, bayangan atau aktiviti seks yang melibatkan haiwan untuk mendapatkan ransangan seksnya. Haiwan yang terlibat selalunya adalah merupakan haiwan peliharaan mereka yang telah dilatih untuk melakukan perbuatan terkutuk itu. Sekiranya tidak, ia akan melihat bayangan bagaimana seekor haiwan itu melakukan aktiviti seks untuk membangkitkan nafsunya itu. Mereka yang mengalami masalah ini selalunya sukar untuk diketahui kerana ianya menjadi rahsia untuk dirinya sahaja.

- ***Pedofilia***

Masalah gangguan psikoseksual ini pula melibatkan kecenderungan seseorang untuk menggunakan kanak-kanak yang belum baligh sebagai objek seks atau fantasi seks bagi tujuan untuk mendapatkan kepuasan seks untuk dirinya. Seseorang yang mengalami masalah ini mungkin tidak mendapat kepuasan seks yang secukupnya daripada seorang yang dewasa dan oleh daripada itu, kanak-kanaklah yang selalu menjadi mangsa. Selalunya kanak-kanak yang terlibat mengenali mereka yang melakukan perbuatan tersebut sama ada perbuatan tersebut dilakukan secara sukarela mahupun paksaan terutamanya. Mereka yang terlibat dengan masalah ini selalunya mempunyai fikiran yang tidak matang, bersikap kebudak-budakan dan sentiasa takut dengan kehidupan realitinya (Lester, 2008: 146).

- ***Eksibisionisme***

Seseorang yang mengalami gangguan psikoseksual ini lebih gemar untuk menunjukkan alat kelaminnya kepada orang ramai untuk mendapatkan kepuasan seksnya. Masalah ini tidak melibatkan peringkat kanak-kanak tetapi ia sering berlaku kepada seorang yang dewasa mahupun seorang yang gila (Mahmood, 2005: 416-417; Nolen, 2004: 574-575).

- ***Voyeurisme***

Seseorang yang mengalami masalah voyeurisme lebih gemar mengintai perempuan yang berbotol atau pasangan yang sedang melakukan seks untuk membangkitkan nafsu dalam dirinya. Apabila puas mengintai, mereka ini akan mula berfantasi atau beronani untuk memuaskan dirinya dan masalah ini sering berlaku kepada golongan lelaki ataupun wanita tanpa mengira peringkat umur seseorang itu. Mereka yang mengalami masalah ini selalunya seorang yang pemalu, kurang bergaul dengan masyarakat di sekelilingnya serta tidak mempunyai keyakinan diri untuk menonjolkan dirinya dalam masyarakat.

- ***Masokisme***

Masokisme seksual merupakan masalah yang dialami oleh individu yang gemar dirinya dipukul, disakiti, dimalukan dan lain-lain lagi perkara yang berkaitan dengannya untuk

mendapat kepuasan seks. Tidak dapat dinafikan, masalah ini amat ganjil kerana adakalanya ia boleh membawa kepada unsur penderaan sama ada yang melibatkan fizikal mahupun mental dalam diri seseorang. Perbuatan ini bukanlah suatu paksaan tetapi dilakukan secara sukarela bagi memenuhi kehendak nafsu yang diinginkannya (Nolen, 2004: 574).

- ***Sadisme Seksual***

Mereka yang mengalami masalah sadisme ini mempunyai keinginan untuk mencederakan orang lain untuk membangkitkan kepuasan seks dalam dirinya. Perbuatan seperti memukul, menyakiti, mengikat, menyeksa mahupun memalukan pasangan seksnya adalah contoh-contoh perlakuan yang akan dilakukan oleh mereka yang menghadapi masalah ini (Comer, 2015: 415-416). Masalah ini sukar untuk ditemui dalam masyarakat kerana amat jarang berlaku seseorang secara sukarela melakukan perlakuan-perlakuan sebegini.

- ***Parafilia Atipikal***

Parafilia atipikal merupakan masalah kecelaruan psikoseksual yang tidak dikategorikan seperti di atas. Walaupun begitu, ia tetap merupakan kecelaruan psikoseksual yang amat menjijikkan yang mungkin berlaku dalam masyarakat hari ini. Antara perlakuannya ialah koprofilia, yang menggunakan najis untuk memuaskan nafsunya (Allen, 2008: 108-111). Perlakuan-perlakuan lain pula adalah frotteurisme, yang menggosok telefon atau menelefon seseorang dengan cara mengganggu orang lain dengan percakapan kotot untuk memenuhi kepuasan nafsunya, necrofilia, iaitu menggunakan mayat untuk memuaskan kehendak nafsu seseorang, urofilia, yang menggunakan air kencing sebagai objek pemuas nafsu, skoptofilia, iaitu mereka yang melihat pasangan lain melakukan aktiviti seksual bagi merangsangkan nafsu mereka (Allen, 2008: 77). Gerontoseksualiti, iaitu mereka yang mencari pasangan warga emas sebagai objek seks mereka dan persetubuhan adik beradik (*incest*) di mana kepuasan seks itu berlaku di kalangan mereka yang wujud di dalam keluarga itu sahaja tanpa melibatkan orang luar.

Perlakuan ini adalah sememangnya merupakan suatu perbuatan yang keji lagi hina pada pandangan Islam mahupun masyarakat itu sendiri. Mereka yang melakukan perbuatan ini seolah-olah bertindak memakan daging kandungannya sendiri. Hal ini tidak seharusnya berlaku kerana perlakuan ini adalah haram di sisi Islam dan ia adalah zina yang dilaknat oleh Allah S.W.T. Firman Allah S.W.T.:

وَلَا تَقْرَبُوا الزَّيْنَىٰ إِنَّهُ كَانَ فَحِشَةً وَسَاءَ سَبِيلًا ﴿٣٢﴾

Maksud: “Dan janganlah kamu menghampiri zina, sesungguhnya zina itu adalah satu perbuatan yang keji dan satu jalan yang jahat (yang membawa kerosakan)”.

(Al-Qur’an, Al-Isra’ (17): 32)

## **Disfungsi Psikoseksual**

Terdapat 8 jenis disfungsi psikoseksual yang dialami oleh pasangan yang normal iaitu pertama adalah kesekatan keinginan. Apabila keinginan seks seseorang yang normal itu tersekat, seseorang itu akan mula berfantasi ataupun melakukan hubungan seks secara abnormal untuk memuaskan nafsu dirinya. Kedua, merupakan keghairahan seksual di mana sekiranya seseorang itu tidak dapat merasai keghairahan tersebut pada pasangannya, mungkin seseorang itu akan memikirkan cara lain untuk memuaskan nafsu dirinya sendiri sama ada melalui pasangan sejenisnya, fantasi mahupun objek-objek yang mampu menimbulkan keghairahan pada dirinya. Masalah ketiga dan keempat merupakan masalah kesekatan kemuncak yang dialami oleh lelaki mahupun wanita. Ia berlaku apabila seorang lelaki mahupun wanita tidak atau lewat mencapai kemuncak (*orgasm*) apabila melakukan hubungan seks dengan pasangan mereka (Raulin, 2003: 328). Ini menyebabkan mereka mencari alternatif lain untuk memenuhi kehendak nafsu mereka itu.

Masalah kelima pula adalah merupakan masalah yang sering menghantui kaum lelaki iaitu pancutan mani (*ejaculation*) pra-matang. Masalah ini berlaku akibat pancutan mani berlaku bukan pada waktu yang sebenar (kedua-dua pasangan mencapai tahap kepuasan seks). Ini menyebabkan adakalanya seseorang lebih gemar mendekati pasangan yang sejenis dengan mereka kerana mungkin di situlah kepuasan sebenar mereka bermula. Masalah keenam dan ketujuh pula meliputi masalah kesakitan semasa melakukan hubungan seks dan ia lebih banyak melibatkan wanita. *Dispareunia* merupakan salah satu daripadanya dan ia boleh menyebabkan berlakunya penyakit seperti vulvitis, penyakit kelentit (inflamasi), penyakit vagina dan sebagainya dan masalah yang terakhir adalah disfungsi psikoseksual atipikal di mana ia berlaku akibat kurangnya rasa erotik seseorang itu semasa melakukan hubungan seks dan semua ini boleh membawa kepada masalah kecelaruan psikoseksual dalam masyarakat.

### **Perlakuan Gangguan Psikoseksual Yang Lain**

Perlakuan atau masalah ini melibatkan masalah-masalah yang tidak dinyatakan di atas dan ia melibatkan dua keadaan iaitu:

- Homoseksualiti Ego-distonik
- Kecelaruan psikoseksual yang lain

Memang tidak dapat dinafikan, perlakuan-perlakuan yang telah disebutkan di atas merupakan suatu perlakuan yang amat menjijikkan di sisi masyarakat mahupun Islam terutamanya. Tindakan manusia amatlah sukar untuk diramal dan sentiasa mahukan sesuatu yang baru untuk dicuba dalam kehidupan mereka. Inilah yang menjadi masalahnya kerana kadangkala apa yang dibawa oleh sesetengah manusia ini adalah bertentangan dengan lumrah alam itu sendiri. Daripada inilah menyebabkan banyaknya berlaku gangguan psikoseksual dalam masyarakat yang disebabkan oleh kealpaan

manusia itu sendiri yang sentiasa terdorong oleh nafsu dalam setiap perbuatan yang mereka lakukan di dunia ini. Firman Allah S.W.T.:

وَمِنْهُمْ مَّنْ يَسْتَمِعُ إِلَيْكَ حَتَّىٰ إِذَا خَرَجُوا مِنْ عِنْدِكَ قَالُوا لِلَّذِينَ أُوتُوا الْعِلْمَ مَاذَا قَالَ آنِفًا ۗ أُولَٰئِكَ

الَّذِينَ طَبَعَ اللَّهُ عَلَىٰ قُلُوبِهِمْ وَاتَّبَعُوا أَهْوَاءَهُمْ ۗ

*Maksud: “Dan di antara mereka (yang hadir di majlismu wahai Muhammad, ialah orang-orang munafik) yang mendengar ajaranmu (dengan sambil lewa), sehingga apabila mereka keluar dari sisimu berkatalah mereka (secara mengejek-ejek) kepada orang-orang yang diberi ilmu (dari kalangan sahabat-sahabatmu yang setia): “Apa yang dikatakan oleh Muhammad tadi?” Mereka (yang munafik) itu ialah orang-orang yang telah dikunci Allah atas hati mereka, dan ialah orang-orang yang menurut hawa nafsunya”.*

(Al-Qur’an, Muhammad (47): 16)

## **Faktor Yang Membawa Kepada Berlakunya Gangguan Psikoseksual Dalam Masyarakat**

Terdapat beberapa faktor yang telah dibawa oleh ahli psikologi barat mahupun Islam sebagai ‘kata kunci’ kepada permasalahan ini iaitu faktor psikologi, individu, biologi, penyakit kronik dan faktor-faktor yang lain.

### ***Faktor Psikologi***

Secara ringkasnya, psikologi seseorang memainkan peranan sebagai penyebab atau faktor berlakunya gangguan psikoseksual ini. Sebagai contoh, seseorang yang mengalami trauma secara psikologi dari segi kesakitan, mereka akan mudah rasa terganggu yang sekaligus membawa kepada perlakuan-perlakuan yang abnormal jika tidak ditangani dari awal. Ini ditambah lagi dengan faktor tekanan dan kebimbangan di mana individu tersebut mungkin beranggapan bahawa dirinya tidak boleh diterima oleh orang lain. Seterusnya, apabila seseorang individu hidup dalam suasana tekanan yang lebih tinggi, dirinya lebih mudah untuk terjebak kepada perlakuan-perlakuan abnormal daripada mereka yang hidupnya tidak banyak mengalami tekanan. Secara tidak langsung, ini juga boleh membawa kepada gangguan atau perlakuan seksual yang abnormal kepada seseorang.

### ***Faktor Individu***

Manusia dikurniakan oleh Allah S.W.T. akal untuk membezakan antara perkara yang baik dan yang buruk dalam kehidupan mereka di dunia ini. Seperti pepatah Melayu mengatakan, ‘tebuk dada tanya iman’, ‘tebuk dada tanya minda’ merujuk kepada rangsangan kerohanian dan kognitif yang berada dalam diri seseorang individu untuk mengelakkan diri daripada terjerumus kepada perkara abnormal ini. Namun, mengapa individu itu sendiri menjadi faktor kepada perlakuan-perlakuan abnormal sebegini?. Ini disebabkan apabila iman dan minda tidak dijaga dengan sebaiknya, yang mudah menguasai manusia adalah nafsu. Apabila manusia mula bertuhankan nafsu, ia akan

menjerumuskan manusia ke arah perkara-perkara yang negatif seperti gangguan-gangguan psikoseksual ini.

### ***Faktor Biologi***

Faktor biologi atau warisan biologi merupakan bahan mentah dalam membentuk keperibadian seseorang individu yang diturunkan oleh ibu bapa mereka seperti peribahasa Melayu mengatakan, ‘bapa borek, anak rintik’ yang menunjukkan tidak mustahil gangguan ini berlaku hasil daripada faktor ini. Mungkin kita tidak mengetahui bahawasanya setiap manusia dilahirkan dengan karakter fizikal yang unik yang menjadi penentu awal dalam pembentukan keperibadian seseorang. Keperibadian yang diperoleh dari faktor keturunan meliputi bentuk fizikal, sifat, bakat, minat dan IQ yang dalam perkembangannya mampu mempengaruhi tingkah laku kompulsif, pengendalian diri, komunikasi dan minat seseorang. Contoh yang mudah, individu yang memiliki kekurangan fizikal kadangkala didiskriminasikan yang menyebabkan dirinya sukar untuk bersosial dengan individu yang normal. Apabila berlaku sedemikian, timbullah keinginan untuk mencuba perkara-perkara yang pelik yang secara tidak langsung terjebak kepada gangguan psikoseksual ini.

### ***Faktor Penyakit Kronik***

Penyakit kronik juga antara faktor penyebab kepada gangguan psikoseksual ini. Penyakit kronik seperti diabetes, tekanan jantung, kolesterol tinggi dan obesiti amat berkait rapat dengan masalah kesihatan seksual dan reproduktif (Nik Hazliza, Shaiful Bahri, 2016) yang boleh mengakibatkan ejakulasi pramatang, disfungsi ereksi, sindrom kekurangan hormon testosteron dan infertiliti (kemandulan) khususnya kepada lelaki. Apabila, hubungan seks yang normal, sebagai contohnya pasangan suami dan isteri tidak memberi kepuasan, tidak mustahil masyarakat yang cetek ilmu agama akan mencari alternatif lain untuk memuaskan keinginan nafsunya dan secara tidak langsung memungkinkan mereka terjebak dengan perlakuan seks yang abnormal di atas.

Tuntasnya, dalam memikirkan faktor yang membawa kepada gangguan psikoseksual ini, ia tidak lari daripada faktor yang berkait rapat dengan seseorang individu dengan individu-individu lain yang berada di sekelilingnya atau dengan kata lebih mudah, daripada keluarga itu sendiri sama ada hubungan ibu bapa dengan anak, suami dan isteri, sesama adik beradik ataupun jiran dan rakan-rakan yang lain. Ia kembali kepada bagaimana manusia menjaga hubungan mereka sesama manusia yang lain. Bagaimana yang dikatakan menjaga hubungan sesama manusia?. Peribahasa Melayu ada mengatakan, ‘cubit peha kanan, peha kiri terasa’.

### **Cabaran Dalam Menangani Kecelaruhan Psikoseksual Dalam Masyarakat**

Perubahan dunia masa kini amat pantas kerana digerakkan oleh teknologi dan ledakan maklumat. Teknologi komunikasi dan maklumat telah menghapuskan batasan negara

dan menjadikan dunia sebagai sebuah *global village*. Segala budaya, ideologi dan teknologi dari pelbagai tempat di pelusuk dunia akan melimpah memasuki ruang negara tanpa sempadan (Ghazali, 2009: 107) yang bukan sahaja memberi ruang kepada masalah ini malah akan menzahirkan pelbagai lagi cabaran dalam menangani kecelaruan psikoseksual ke akar umbi sekiranya tidak dibanteras dengan baik. Antara cabaran-cabaran utama ialah:

### ***‘Social Networking’***

Dewasa kini, perkembangan jaringan sosial melalui internet semakin bercambah. Masyarakat terutamanya golongan remaja tidak perlu lagi mengutus surat atau mencari-cari alamat atau nombor telefon di majalah-majalah untuk berkenalan dengan seseorang sebaliknya mereka boleh mendapatkan ramai kenalan melalui kemudahan internet sahaja. Facebook ([www.facebook.com](http://www.facebook.com)), friendster ([www.friendster.com](http://www.friendster.com)), twitter ([www.twitter.com](http://www.twitter.com)), yahoo messenger, dan sebagainya boleh digunakan untuk mencari kenalan di seluruh dunia. Mereka hanya perlu menekan *search* dan *invite* atau *add* individu-individu yang mereka ingin kenali untuk dijadikan teman, rakan atau sebagainya dan kebiasaannya jarang sekali individu-individu tersebut menolak pelawaan tersebut. Inilah kemajuan dan kemodenan yang telah dicapai hari ini sehinggakan proses mencari kenalan hanya memerlukan seseorang menekan beberapa item di komputer sahaja.

Namun, di sebalik kecanggihan ini, *social networking* yang dibina dan dicipta boleh mempengaruhi personaliti seseorang di dalam masyarakat kelak. Sebagai contoh, di dalam *facebook*, *myspace*, *friendster*, ramai manusia yang berani mendedahkan tubuh badan mereka apabila memaparkan gambar mereka di laman web tersebut untuk menarik perhatian pengguna-pengguna lain. Tidak kurang juga yang berani mengatakan mereka lesbian, gay, biseksual dan sebagainya. Antara contoh lain, yahoo messenger, skype boleh digunakan sebagai medium untuk *chatting* yang tidak berfaedah yang sekaligus boleh merosakkan diri individu itu sendiri. Mereka boleh menafikan kenyataan di atas tetapi kebanyakan daripada masyarakat terutamanya remaja lebih cenderung kepada perkara-perkara yang bertentangan dengan nilai-nilai masyarakat ini. Bahan lucu, pronografi, seks, seks abnormal dan perkara-perkara yang berkaitan dengannya seringkali menjadi pilihan masyarakat terutamanya remaja hari ini apabila menggunakan kemudahan internet. Perkara-perkara ini bukan sahaja boleh merosakkan personaliti masyarakat pada hari ini, malahan ia pasti akan terus berlaku di masa hadapan kelak.

### ***Cybertainment***

Dalam mengharungi era globalisasi, masyarakat semakin terdedah kepada perlakuan-perlakuan yang tidak bermoral yang menjejaskan personaliti, identiti dan imej mereka. Bayangkan tahun-tahun sebelum ini, apabila masyarakat melayari internet, kebanyakan

daripada mereka hanya membuka emel sahaja. Tidak pernah terfikir di minda mereka untuk melayari laman-laman web pornografi dan sebagainya. Tetapi, apabila ledakan era millenium dan arus globalisasi melanda, banyak perubahan telah berlaku pada masyarakat sejak itu. Sebelum ini, hanya 1-2 jam sahaja masa yang dihabiskan untuk melayari internet ini tetapi apabila *cybertainment* ini telah dikenali, mereka boleh menghabiskan masa berjam-jam semata-mata untuk perkara ini sahaja. Apabila kurang bergaul mahupun bersosial dengan masyarakat di luar, kecelaruan psikoseksual mudah berlaku. Oleh itu, pengguna perlu mempunyai integriti dalam melayari internet yang sesuai untuk mereka agar mereka tidak mengikut jejak masyarakat terutamanya golongan remaja yang sanggup menghabiskan masa berjam-jam untuk meuaskan hati mereka dengan laman-laman web yang tidak berfaedah. Untuk membentuk personaliti unggul, masyarakat perlu bijak menggunakan kemudahan-kemudahan terkini agar mereka tidak mudah menyimpang daripada matlamat kehidupan mereka yang sebenar iaitu sebagai hamba dan khalifah Allah S.W.T. serta pelapis kepimpinan negara pada masa hadapan kelak.

### ***Landaan Brain Power***

Antara cabaran lain yang perlu dihadapi dalam menangani kecelaruan psikoseksual ini adalah landaan *brain power* dalam masyarakat yang berpaksikan pada kuasa dan pengaruh wang (A Samad, 2004: 155). Tidak dapat dinafikan, masyarakat hari ini amat sibuk untuk mengejar kekayaan dalam mencari pengaruh dan kedudukan ataupun kewangan dengan cepat. Ini menyebabkan persaingan hidup semakin sengit dan nafsu mencari kemewahan menjadi lebih kuat antara sesama masyarakat sendiri. Ada di antara mereka yang menggunakan sumber yang baik untuk mendapatkan wang ringgit seperti berniaga, bekerja di pejabat-pejabat kerajaan serta swasta dan sebagainya dan ada di kalangan mereka juga yang menggunakan sumber yang salah untuk memperoleh wang ringgit seperti bekerja di pusat-pusat pelacuran, gigolo, mempunyai *sugar daddy* atau *sugar mummy*, skim cepa kaya, perjudian, lumba haram yang melibatkan pertaruhan, 'along' dan sebagainya. Sumber-sumber yang berterusan inilah yang menyebabkan masyarakat semakin hilang identitinya yang sekaligus merosakkan personaliti mereka sebagai pewaris agama, bangsa dan negara di masa hadapan.

Namun, tidak sekadar ini sahaja yang berlaku. Masyarakat secara keseluruhannya amat *advance* apabila menginginkan wang ringgit. Mereka mampu untuk memikirkan pelbagai cara untuk mendapatkan wang secara *instant* terutamanya di era globalisasi dan ICT ini. Antara contohnya, penggunaan 'webcam' untuk mendapatkan wang. Mereka tidak perlu bekerja keras tetapi sebaliknya hanya mendedahkan tubuh badan mereka dengan aksi-aksi yang mengghairahkan yang boleh menarik pengguna terutamanya mereka yang menghadapi masalah kecelaruan psikoseksual ini untuk mendapat bayaran yang tinggi. Kegiatan ini lebih menguntungkan daripada kegiatan pelacuran dan ia amat mudah tetapi sangat-sangat merosakkan masyarakat. Sekiranya



tidak dipandang serius perkara ini, maka usaha untuk melahirkan masyarakat kelas pertama pasti akan menemui jalan buntu kelak.

### ***Rantaian Ghazw al-Fikr***

Antara cabaran lain yang berlaku adalah rantaian *ghazw al-fikr* yang dibawa oleh negara-negara maju untuk menarik perhatian masyarakat dalam mengubah persepsi pemikiran mereka yang sentiasa terkongkong selama ini. Tidak dapat dinafikan, pemikiran atau fahaman yang dibawa oleh negara-negara maju ini terutamanya dari barat sentiasa berubah dari masa ke masa dan kebanyakan daripadanya dapat mempengaruhi pemikiran masyarakat terutama remaja hari ini. Fahaman-fahaman seperti hedonisme, modenisme, materialisme dan baru-baru ini LGBT semakin berkembang melalui medium globalisasi yang melemahkan dan meruntuhkan benteng akhlak dan rohaniah generasi muda Islam kini. Pemikiran-pemikiran yang dibawa oleh negara maju di barat ini telah banyak mewujudkan nilai-nilai baru dalam masyarakat hari ini terutamanya yang melibatkan kecelaruan psikoseksual ini. Budaya LGBT, hedonisme yang mengutamakan hiburan tanpa batasan serta fikiran materialisme telah berjaya mempengaruhi minda masyarakat hari ini (Awang, 2000: 6).

Hakikatnya, apabila memikirkan cabaran dalam menangani masalah ini, tidak dapat dinafikan, cabaran yang wujud pasti lebih getir seiring dengan kemajuan yang dicapai oleh negara. Oleh itu, dalam menghadapi segala cabaran, masyarakat haruslah berhati-hati, teliti dan proaktif dalam memainkan peranannya. Kemajuan sesebuah negara tidak akan bermakna sekiranya berteraskan fizikal sahaja tanpa berlandaskan kepada tiga ciri ini iaitu hubungan manusia dengan Allah S.W.T., hubungan manusia sesama manusia dan hubungan manusia dengan alam seagat.

### ***Individu***

Setiap individu yang diciptakan, pasti ada kelebihan dan kelemahannya yang tersendiri. Walaupun manusia ini merupakan sebaik-baik kejadian ciptaan Allah S.W.T. namun, terukir beberapa kelemahan di seballik kesempurnaan ciptaan manusia itu agar manusia ini tidak angkuh, merasa kerdil serta mengakui terdapat kuasa yang Maha Hebat daripadanya di muka bumi ini. Firman Allah S.W.T.:

وَإِذَا مَسَّ الْإِنْسَانَ الضُّرُّ دَعَانَا لِجَنبَيْهِ أَوْ قَاعِدًا أَوْ قَائِمًا فَلَمَّا كَشَفْنَا عَنْهُ ضُرَّهُ مَرَّ كَأَن لَّمْ يَدْعُنَا إِلَىٰ ضُرِّ مَسَّهُ ۗ كَذَٰلِكَ زَيْنٌ لِّلْمُسْرِفِينَ مَا كَانُوا يَعْمَلُونَ ﴿١٠١﴾

*Maksud: “dan apabila seseorang manusia ditimpa kesusahan, merayulah ia kepada Kami (dalam segala keadaan), sama ada ia sedang berbaring atau duduk ataupun berdiri; dan manakala Kami hapuskan kesusahan itu daripadanya, ia terus membawa cara lamanya seolah-olah dia tidak pernah merayu kepada Kami memohon untuk menghapuskan sebarang kesusahan yang menimpanya (sebagaimana ia memandang eloknya bawaan itu).*

Demikianlah diperelokkan pada pandangan orang-orang Yang melampau apa Yang mereka lakukan.

(Al-Qur'an, Yunus (10): 12)

Firman Allah S.W.T. lagi:

خُلِقَ الْإِنْسَانُ مِنْ عَجَلٍ سَأُورِيكُمْ آيَاتِي فَلَا تَسْتَعْجِلُونِ ﴿١٧﴾

Maksud: "Manusia telah dijadikan bertabiat terburu-buru dalam segala hal; Aku (Allah) akan perlihatkan kepada kamu tanda-tanda kekuasaanKu; maka janganlah kamu meminta disegerakan (kedatangannya)".

(Al-Qur'an, Al-Anbiya' (21): 37)

Dua ayat di atas merupakan antara ayat-ayat yang memperlihatkan kelemahan manusia di sisi Allah S.W.T. walaupun segelintir manusia menafikannya. Daripada kelemahan inilah lahirnya pelbagai kerosakan yang dilakukan oleh manusia di muka bumi ini termasuklah masalah kecelaruan psikoseksual yang semakin menjadi-jadi masa kini.

Hakikatnya, manusia ini adalah hamba kepada Allah Maha Pencipta kerana setiap yang dicipta itu pada hakikatnya adalah hamba kepada yang menciptanya. Namun, manusia sering tidak menyedari hakikat ini. Atas sebab inilah ada di kalangan manusia yang berani mengaku dirinya Tuhan seperti yang berlaku pada Firaun, ada juga di kalangan manusia ini berani melanggar amanah Allah dengan merosakkan bumi tanpa menghiraukan balasan Allah S.W.T. kepada mereka dan ada juga di kalangan manusia yang rakus dengan nafsunya tanpa memikirkan azab Allah S.W.T. pada hari akhirat kelak. Ini adalah beberapa bentuk cabaran yang dicipta sendiri oleh makhluk yang bernama manusia. Oleh itu, manusia harus bijak berfikir, mengawal tingkah laku dan menjaga hubungan mereka dengan Allah S.W.T. agar diri mereka sentiasa dilindungi daripada perbuatan-perbuatan yang dilaknat oleh Allah S.W.T.

### **Cara Menangani Kecelaruan Psikoseksual Menurut Psikoterapi Islam**

Di dalam Islam, terdapat pelbagai penyelesaian yang diberikan dalam menangani segala ujian, penyakit mahupun dugaan yang ditimpakan oleh Allah S.W.T. kepada hambaNya. Malangnya, manusia itu sendiri yang masih gagal untuk menerokai segenap lorong penyelesaian tersebut terutamanya penyakit yang melibatkan unsur rohani manusia. Jiwa yang sering terpenjara oleh nafsu serta hati yang leka dibuai keseronokan dunia menyebabkan pelbagai penyakit hati timbul dalam masyarakat termasuklah masalah kecelaruan psikoseksual ini.

Dalam bidang rawatan, perubatan mahupun psikoterapi Islam ini, ia menekankan beberapa perkara yang melibatkan aspek kemuliaan, keagungan, kerahmatan, kekecualian (kelonggaran) dan keihsanan dalam kehidupan manusia (Hatta, 2001: 181). Ia bukanlah suatu perkara yang boleh dilakukan dengan main-main kerana dunia

perubatan Islam menjadikan al-Qur'an dan al-Sunnah sebagai kunci penawar bagi setiap penyakit yang wujud di alam ini. Oleh itu, seorang pengamal perubatan mahupun ahli psikoterapi haruslah mempunyai ciri-ciri kerahsiaan, ketrampilan mahupun kemanusiaan agar apa yang mereka lakukan sentiasa mendapat petunjuk dan perlindungan daripada Allah S.W.T.

Dalam penyelesaian masalah kecelaruan psikoseksual ini, terdapat enam cara yang boleh dibina sekaligus bertindak sebagai penawar bagi kecelaruan psikoseksual ini iaitu:

### ***Penghayatan al-Qur'an***

Firman Allah S.W.T.:

وَنُزِّلُ مِنَ الْقُرْآنِ مَا هُوَ شِفَاءٌ وَرَحْمَةٌ لِّلْمُؤْمِنِينَ وَلَا يَزِيدُ الظَّالِمِينَ إِلَّا خَسَارًا ﴿٨٢﴾

*Maksud: "dan Kami turunkan dengan beransur-ansur dari Al-Quran aya-ayat suci yang menjadi ubat penawar dan rahmat bagi orang-orang yang beriman kepadanya; dan (sebaliknya) Al-Quran tidak menambahkan orang-orang yang zalim (disebabkan keingkaran mereka) melainkan kerugian jua".*

(Al-Qur'an, Al-Isra' (17): 82)

Rasulullah s.a.w. juga bersabda yang bermaksud:

*"Didiklah anak-anak kamu atas tiga perkara: cinta kepada Nabi kamu, cinta kepada kaum keluarganya serta membaca al-Quran. Sesungguhnya para pembaca al-Quran itu berada di dalam naungan arasy Allah pada hari tiada naungan melainkan naunganNya bersama-sama para NabiNya dan orang-orang suci".*

(Al-Tabrani)

Al-Qur'an bukan sekadar perlu dibaca tetapi ia juga perlu difahami maksudnya dan dihayati. Ini kerana melalui penghayatan al-Qur'an, ia mendidik hati manusia supaya sentiasa akur dan patuh kepada Allah S.W.T. Apabila seseorang yang mengalami masalah kecelaruan psikoseksual mula mengamalkan pembacaan al-Qur'an, ia boleh melembutkan hati manusia untuk kembali kepada fitrah manusia yang sebenar. Sejarah telah membuktikan bagaimana Saidina Umar al-Khattab yang amat keras hatinya menentang Islam tetapi telah berjaya dilembutkan melalui ayat-ayat suci al-Qur'an. Metode ini juga boleh digunakan kepada mereka yang mengalami penyakit hati ini kerana kesemua ayat-ayat suci al-Qur'an merupakan penawar kepada segala penyakit sekiranya kita betul-betul ikhlas membaca dan menghayatinya kerana Allah S.W.T. Oleh itu, permudahkanlah diri kita untuk membaca, memahami serta menghayati al-Qur'an kerana ia merupakan pelindung yang mujarab kepada hati manusia yang merupakan hamba kepada Allah S.W.T.

### ***Rasulullah s.a.w. Uswah Hasanah***

Firman Allah S.W.T.:

لَقَدْ كَانَ لَكُمْ فِي رَسُولِ اللَّهِ أُسْوَةٌ حَسَنَةٌ لِّمَن كَانَ يَرْجُوا اللَّهَ وَالْيَوْمَ الْآخِرَ وَذَكَرَ اللَّهَ كَثِيرًا ﴿٢١﴾

Maksud: “Demi sesungguhnya, adalah bagi kamu pada diri Rasulullah itu contoh ikutan yang baik, yaitu bagi orang yang sentiasa mengharapkan (keredaan) Allah dan (balasan baik) hari akhirat, serta ia pula menyebut dan mengingati Allah banyak-banyak (dalam masa susah dan senang)”.

(Al-Qur’an, Al-Ahzab (33): 21)

Antara cara lain dalam menangani kecelaruan psikoseksual ini ialah dengan menjadikan Rasulullah s.a.w. sebagai uswah hasanah (contoh teladan yang baik). Namun, ia amat sukar sekiranya kita sendiri sebagai umat Nabi s.a.w. tidak mengenali Rasulullah s.a.w. itu sendiri. Bagaimana hendak berakhlak dengan akhlak Rasulullah s.a.w. sekiranya nama Baginda s.a.w. tidak kita ketahui, tarikh lahirnya, wahyu pertamanya, cabaran-cabaran yang dilaluinya dan sebagainya. Ini amat menyedihkan dan sekiranya Nabi Muhammad s.a.w. masih hidup, apakah reaksi Baginda s.a.w. yang begitu menyayangi umatnya melihat umatnya mengamalkan perlakuan yang sangat menjijikkan ini (kecelaruan psikoseksual). Oleh itu, sebenarnya amat mudah untuk menangani masalah kecelaruan psikoseksual ini sekiranya manusia mempunyai kesedaran dan berakhlak sebagaimana akhlak Rasulullah s.a.w. yang berpandukan kepada al-Qur’an dan tidak menjadikan hawa nafsu sebagai Tuhan. Memang sukar untuk mencontohi Rasulullah s.a.w. secara keseluruhannya tetapi sekiranya kita tidak mampu mengamalkan kesemuanya, lakukan sedikit demi sedikit secara perlahan-lahan serta berterusan (istiqamah) agar diri kita ini sentiasa terhindar daripada perbuatan yang dilaknat oleh Allah S.W.T.

### ***Pelaksanaan Ibadah***

Pelaksanaan ibadah terpancar melalui pelaksanaan rukun Islam yang lima di mana rukun Islam merupakan pokok akhlak dalam Islam. Ia bukan sahaja merupakan latihan lahiriah tetapi juga adalah latihan batiniah yang mendalam dan mempunyai tujuan untuk memperbaiki hati dan akhlak manusia. Ini bersesuaian dengan mereka yang mengalami masalah kecelaruan psikoseksual ini di mana mereka yang selalu kurang melaksanakan ibadah, mudah terjebak kepada penyakit hati khususnya kecelaruan psikoseksual ini. Apabila kita meneliti rukun Islam yang lima ini iaitu ucapan kalimah syahadah, solat lima waktu, berpuasa di bulan Ramadan, membayar zakat serta menunaikan haji, kelima-lima ini mempunyai falsafah yang mendidik dan membersihkan hati, menjaga lidah daripada percakapan yang tidak berfaedah, terhindar daripada melakukan kemaksiatan dan berusaha menjaga keaiban dan kehormatan diri. Apabila kelima-lima ini kita fahami dan laksanakan, hati manusia akan sentiasa tenang sekaligus terhindar daripada melakukan perbuatan yang terkutuk ini.

### ***Ilmu Pengetahuan: Didikan dan Latihan***

Pendidikan yang berkesan dalam menangani masalah kecelaruan psikoseksual ini tersusun di atas lima perkara iaitu:

- Pendidikan dengan contoh tauladan – melihat akhlak ibu bapa yang baik dan dipraktikkan dalam kehidupan serta menjadikan Rasulullah s.a.w. sebagai *role model* ataupun ikon.
- Pendidikan dengan adat kebiasaan – biasakan masyarakat terutamanya remaja dengan adat-adat yang menjadi kebiasaan yang boleh membentuk hati dan membina jatidiri kita sebagai manusia yang baik seperti membaca al-Qur'an, memberi salam dan sebagainya.
- Pendidikan dengan nasihat dan bimbingan – memberi tunjuk ajar kepada masyarakat manakah akhlak yang baik dan buruk serta sentiasa menasihati mereka agar sentiasa berwaspada terhadap segala ideologi barat dan perbuatan-perbuatan yang dilaknat oleh Allah S.W.T.
- Pendidikan dengan pemerhatian dan pengawasan – memerhati dan mengawasi sebarang bentuk pergaulan anak-anak terutamanya agar mereka tidak mudah dipengaruhi dengan anasir-anasir yang boleh membawa mereka kepada mendekati perlakuan-perlakuan yang tidak baik. Ibu bapa seharusnya tidak boleh membiarkan anak mereka melakukan sesuatu dengan terlalu bebas kerana sekiranya dibiarkan terlalu bebas tanpa sebarang perhatian, anak-anak ini mudah untuk terjerumus kepada perkara-perkara yang dilarang oleh Allah S.W.T.
- Pendidikan dengan denda dan hukuman – mendenda dan merotan mereka sekiranya tidak melakukan suruhan Allah S.W.T. Namun pada hari ini, ibu bapa amat-amat terlalu memanjakan anak-anak mereka sehinggakan anak-anak lelaki mereka berpakaian seperti perempuan tidak mahu dimarahi atau ditegur. Ini menyebabkan anak-anak ini merasakan apa yang mereka lakukan itu betul dan sekiranya tidak ditangani segera boleh menyebabkan berlakunya masalah kecelaruan psikoseksual ini. Oleh itu, dalam hal ini, ibu bapa perlu mendidik anak mereka dengan penuh kasih sayang tetapi tegas agar anak-anak ini mampu untuk membezakan manakah yang baik dan yang buruk dalam kehidupan mereka.

Pendidikan rohani ataupun akhlak ini perlu juga disertakan dengan latihan. Jangan sekadar teori sahaja tanpa menunjukkan apa yang perlu dilakukan oleh masyarakat terutamanya golongan kanak-kanak dan remaja ini bak kata pepatah, “melentur buluh biarlah dari rebungunya”. Sekiranya kita mempraktikkan apa yang diajar, itu lebih mudah untuk difahami daripada sekadar bercakap di mulut sahaja. Oleh itu, setiap didikan yang diberikan perlu disertakan dengan latihan agar kanak-kanak mahupun remaja mudah untuk melaksanakan serta mengetahui apakah perintah dan larangan Allah S.W.T. dalam kehidupan mereka.

### **Tarbiyyah Ruhiyah**

Tarbiyyah ruhiyyah merupakan pendidikan rohani iaitu pendidikan yang mengikat jiwa manusia dengan Allah S.W.T. Sekiranya fizikal kita memerlukan makanan, hati kita juga memerlukan makanan yang boleh mengisi hati kita supaya tidak sentiasa gersang dan kosong. Antara beberapa cara yang boleh mendidik hati sebagai makanan rohani manusia yang sekaligus mengelakkan masalah kecelaruan psikoseksual ini ialah dengan berzikir, beristighfar, berselawat, bertasbih, bertahmid, bermunajat dan berdoa kepada Allah S.W.T. Rasulullah s.a.w., walaupun Baginda s.a.w. seorang yang maksum (terpelihara daripada sebarang dosa) tetapi Baginda s.a.w. paling banyak memohon keampunan daripada Allah S.W.T. Cuba lihat diri kita sebagai seorang manusia biasa, berapa kali kita memohon keampunan daripada Allah S.W.T. Manusia kini, amat berat untuk memohon keampunan tetapi apabila melakukan larangan Allah S.W.T., amat mudah sekali untuk melaksanakannya seolah-olah Allah S.W.T. tidak melihat apa yang mereka lakukan. Kita sebagai manusia biasa, basahkanlah lidah dan bibir kita selalu dengan zikrullah agar hati kita sentiasa terhindar daripada perbuatan-perbuatan yang dilarang oleh Allah S.W.T. ini.

### **Muhasabah Diri**

Akhir sekali, antara cara untuk menangani masalah kecelaruan psikoseksual ini adalah dengan bermuhasabah diri. Firman Allah S.W.T.:

يَتَأْتِيهَا الذِّكْرُ ۚ ءَامِنُوا بِاللَّهِ وَارْتَقُوا إِلَيْهِ ۚ إِنَّ اللَّهَ حَبِيرٌ بِمَا تَعْمَلُونَ ﴿١٨﴾

*Maksud: "Wahai orang-orang yang beriman! Bertaqwalah kepada Allah (dengan mengerjakan suruhanNya dan meninggalkan laranganNya); dan hendaklah tiap-tiap diri melihat dan memerhatikan apa yang ia telah sediakan (dari amal-amalnya) untuk hari esok (hari Akhirat). dan (sekali lagi diingatkan): bertaqwalah kepada Allah, sesungguhnya Allah amat meliputi pengetahuannya akan segala yang kamu kerjakan".*

(Al-Qur'an, Al-Hasyr (59): 18)

Saidina Umar al-Khattab juga pernah berpesan: "hitunglah diri kamu sebelum kamu dihitung dan bersiaplah untuk menghadapi pembentangan yang besar. Sesungguhnya hisab (perhitungan) yang ringan pada hari kiamat ialah bagi sesiapa yang menghitung (menghisab) dirinya di dunia". Begitulah kata-kata Saidina Umar al-Khattab yang terkenal dengan sifat lembutnya kepada Islam tetapi tegas dalam memerangi orang-orang kafir. Antara kisah yang boleh diambil untuk dijadikan teladan supaya kita sentiasa bermuhasabah diri adalah kisah antara Saidina Umar al-Khattab dengan seorang Badwi:

*"Pada akhir abad ke-17 Hijrah, kaum Muslimin sedang menikmati kemenangan pasukan mereka dalam peperangan di Iraq dan Syam. Namun di tengah kegembiraan itu, mereka diuji dengan musim kemarau berpanjangan. Selama sembilan bulan hujan tidak turun, bumi gersang dan penuh debu, manakala haiwan dan tanaman menjadi korban.*

*Namun, keadaan Madinah tidak terlalu buruk kerana di bawah pemerintahan Umar Al-Khattab kerana penduduk Madinah dibiasakan untuk menyimpan makanan. Kesannya, masyarakat dari kawasan yang lain datang memenuhi Madinah bagi mendapatkan sumber makanan. Keadaan ini menyebabkan Madinah turut menghadapi kekurangan bahan makanan.*

*Ketika keadaan ini mencapai kemuncaknya, Umar pernah diberikan roti yang dicampur mentega. Umar memanggil seorang Badwi dan mengajaknya makan bersama. Dia tidak menyuapkan makanan ke mulutnya sebelum Badwi itu melakukannya lebih dahulu. Orang Badwi itu benar-benar menikmati roti tersebut.*

*“Agaknya, kau tidak pernah memakan mentega?” tanya Umar.*

*“Ya,” jawab Badwi itu.*

*“Saya tidak pernah makan dengan mentega atau minyak zaitun. Saya juga sudah lama tidak menyaksikan sesiapa memakannya sampai sekarang,” tambahnya.*

*Mendengar kata-kata Badwi itu, Umar bersumpah untuk tidak memakan mentega hinggalah semua orang hidup seperti sediakala. Kata-kata ini benar-benar dibuktikan dan diabadikan sampai saat ini.*

*“Kalau rakyatku kelaparan, aku ingin menjadi orang pertama yang merasakannya. Kalau rakyatku kekenyangan, aku ingin menjadi orang terakhir yang menikmatinya,” ujar Umar.*

Begitulah kisah Saidina Umar al-Khattab yang boleh kita jadikan sebagai contoh apabila kita melihat diri kita sendiri. Adakah kita sudah menghitung diri kita. Adakah kita masih melakukan perbuatan yang terkutuk di sisi Allah S.W.T. Oleh itu, refleksi diri kita semula dan lihat apa yang boleh kita perbaiki dan jauhi agar hidup kita sentiasa mendapat petunjuk dan rahmat daripada Allah S.W.T.

## **Kesimpulan**

Dalam menangani masalah ini, seseorang itu tidak wajar menuding jari untuk menyalahkan orang lain apatah lagi menyalahkan Allah S.W.T. dalam hal ini. Sebaliknya, manusia itu sendiri yang seharusnya bertanggungjawab atas apa yang telah mereka lakukan di dunia ini. Seseorang itu perlu ingat bahawa setiap masalah yang berlaku pasti akan ada jalan penyelesaiannya walau sesukar mana pun masalah tersebut cuma, manusia itu sendiri perlu berusaha untuk merungkaikan segala permasalahan yang timbul itu. Tiada jalan yang mudah bagi seseorang hamba itu untuk berubah melainkan berusaha, berdoa dan bertawakal kepada Allah S.W.T. sahaja.

## **Rujukan**

- A Samad Ismail. (2004). “Menghadapi Brain Power Barat” dalam *Dinamika Bangsa Melayu: Menongkah Arus Globalisasi*. Kuala Lumpur: Penerbit UKM.
- Nik Hazlina Nik Hussain & Shaiful Bahri Ismail. (2016). *Masalah Seksual Lelaki Dalam Kesejahteraan Suami Isteri*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Al-Bukhari. (2001). *Terjemahan Hadith Sahih Bukhari Jilid I,II,III,IV. Jil.IV*. “Kitab al-Libas wa al-Zinah”. h. 44 (Hadith no. 1682).
- Allen, Clifford. (2008). *A Textbook Of Psychosexual Disorders*. London: Oxford University Press.
- Rowland, David L. & Luca Incrocci (2008). *Handbook of Sexual and Gender Identity Disorders*. United States: John Wiley & Sons Inc.
- Al-Qur’an al-Karim.
- Awang Sariyan (2000). “Implikasi Teknologi Moden Terhadap Pendekatan Budaya Setempat”. Kertas Kerja yang dibentangkan dalam *Seminar Kebangsaan Era Ledakan Maklumat Dan Fenomena Lamgit Terbuka Dari Perspektif Islam*. 19-20 Ogos 2000. Langkawi. Kedah.
- Comer, Ronald J. (2015). *Abnormal Psychology*. New York: Macmillan Learning.
- Barlow, David H. & V. Mark Durand. (2012). *Anormal Psychology: An Integrative Approach*. Belmont CA: Wadsworth, Cengage Learning.
- Barlow, David H., V. Mark Durand & Hofmann, Stefan G. (2018). *Essentials of Abnormal Psychology*. Belmont CA: Wadsworth, Cengage Learning.
- Corsini, Raymond J. (2016). *The Dictionary of Psychology*. New York: Routledge.
- Ghazali Darussalam. (2009). *Dakwah Islam Dan Ideologi Barat*. Kuala Lumpur: Utusan Publication.
- Hands, Penny & Ooi, Vincent B. Y. (2000). *Federal-Chambers: Advance English Dictionary*. Shah Alam: Federal Publications Sdn. Bhd.
- Lester, David. (2008). *Unusual Sexual Behavior: The Standard Deviations*. Illinois: Charles Thomas Publisher.
- Mahmood Nazar Mohamed. (2005). *Pengantar Psikologi: Satu Pengenalan Asas Kepada Jiwa Dan Tingkah Laku Manusia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohamed Hatta Shaharom. (2001). *Psikiatri: Perubatan, Undang-Undang dan Masyarakat*. Shah Alam: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Nolen-Hoeksema, Susan (2013). *Abnormal Psychology*. c.3. New York: McGraw Hill Higher Education.
- Raulin, Michael J. (2003). *Abnormal Personality*. Boston: Pearson Education Inc.
- Sandfort, Theo, Schuyf, Judith, Duyvendak, Jan Willem & Weeks, Jeffery. (2000). *Lesbian and Gay Studies: An Introductory, Interdisciplinary Approach*. London: Sage Publications.
- Sayyid Qutb. (2000). *Tafsir Fi Zilalil Qur’an: Di Bawah Bayangan al-Qur’an*. Yusoff Zaky Haji Yacob (terj.). Jil. 12. Kelantan: Pustaka Aman Press Sdn. Bhd.
- Wan Azmi Ramli. (2007). *Dilema Mak Nyah: Suatu Ilusi*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Webb, L.J., DiClemente, C.C., Johnstone, E.E., Saunders, J.L., & Perley, R.A. (2007), *Diagnostic and Statistical Manual of Disorders III Training Guide*. New York: Brunner/Mazel.